



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



ISLAM SEBAGAI AL-DIN

Penulis

Rasidah Md Nor

Alinawati abd Aziz @ Kamarulzaman

Jabatan Pengajian Am,
Politeknik Kota Bharu


ISLAM SEBAGAI AL-DIN

RASIDAH MD NOR

ALINAWATI BT ABD AZIZ@KAMARULZAMAN

POLITEKNIK KOTA BHARU

e ISBN 978-967-2702-18-4



A standard 1D barcode representing the ISBN number 978-967-2702-18-4. The barcode is composed of vertical black bars of varying widths on a white background.

Diterbitkan dan diedarkan oleh:

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Kota Bharu

KM. 24, Kok Lanas, 16450 Ketereh, Kelantan.

Islam Sebagai Al-Din

Cetakan Pertama 2021

© 2021 Rasidah Md Nor & Alinawati Abd Aziz@kamarulzaman

Hak cipta terpelihara.

Tidak ada bahagian dalam penerbitan ini yang dapat diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk apa pun atau dengan cara apa pun, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa izin bertulis terlebih dahulu dari pemegang hak cipta.

Islam Sebagai Al-Din / Rasidah Md Nor & Alinawati Abd Aziz@Kamarulzaman.

BIODATA PENULIS



RASIDAH BT MD NOR lulusan Sarjana Muda (Kepujian) Pendidikan Islam, Universiti Malaya pada tahun 1999, merupakan Pensyarah di Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Bharu. Bertugas sebagai pensyarah politeknik bermula pada tahun 2000 hingga sekarang.



ALINAWATI BT AB AZIZ@KAMARULZAMAN memulakan perkhidmatan sebagai guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan (F) Palong 11, Gemas, Negeri Sembilan pada tahun 1999 sebelum meneruskan perkhidmatan sebagai Pensyarah di Unit Pendidikan Islam dan Moral di Politeknik Kota Bharu. Bertugas sebagai pensyarah bermula pada tahun 2000 hingga sekarang. Lulusan Ijazah Pengajian Islam (Kepujian) pengkhususan dalam bidang Syariah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1997 sebelum menyambung pendidikan profesional (Diploma Pendidikan) di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor pada tahun 1998.

Table of Contents

PENDAHULUH	5
ABSTRAK.....	6
ISLAM SEBAGAI AD-DIN	7
1.1 Pengertian Tasawwur Islam	7
1.2 Kepentingan dan faedah memahami konsep Tasawwur Islam:	8
1.3 Ciri-Ciri Kesempurnaan Islam.....	9
1.4 Pengertian Iman dan pembagiannya	13
1.5 Kaedah menjaga dan mempertingkatkan Iman.....	14
1.6 Pengertian Ihsan dan permasalahannya.....	16
2.0 Melaksanakan Rukun Islam.....	18
2.1 Konsep Syahadah	18
2.2 Melaksanakan Ibadah solat dengan sempurna	20
2.3 Membincangkan Ibadah Puasa, Zakat dan Haji	22
Rajah 9: Golongan Yang Berhak Menerima Zakat	25
3.0 MEMBINCANGKAN RUKUN IMAN	26
3.1 Menerangkan Konsep Beriman kepada Allah S.W.T.....	26
3.2 Menyatakan Keperluan Beriman Kepada Rasul.....	27
3.3. Menyatakan keperluan Beriman Kepada Kitab-Kitab	28
3.4 Menyatakan keperluan beriman kepada Malaikat.....	30
3.5 Keperluan Beriman Dengan Hari Akhirat.....	32
3.6 Menyatakan Keperluan Beriman Dengan Qada' Dan Qadar	37
1.4 Ihsan.....	40
1.4.2 KONSEP AKHLAK.....	40
1.4.3 Konsep Dosa Dan Pahala.....	46
Rujukan	49

PENDAHULUAH

Ebook ini disusun berdasarkan sukanan Kursus MPU23012 Pengajian Islam yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan semester 2. Kursus ini mengandungi empat (4) topik utama iaitu Islam Sebagai Ad Din; Islam dan Asas Syariah, Institusi Islam dan Islam dan Cabaran Semasa.

Ebook ini menghuraikan bab 1, iaitu Islam Sebagai Ad Din yang merangkumi beberapa sub topik iaitu Membincangkan Pengertian Iman, Islam dan Ihsan; melaksanakan Rukun Islam; Membincangkan Rukun Iman dan Membincangkan Ihsan.

Kandungan Ebook ini mengandungi teori dan beberapa contoh soalan tutorial untuk memudahkan pelajar membuat rujukan secara atas talian. Ianya amat sesuai untuk pelajar-pelajar yang mengambil kursus ini khasnya dan kepada semua pelajar amnya

ABSTRAK

Islam Sebagai Al Din merupakan peraturan hidup yang sempurna dan lengkap, membincangkan pengertian Islam, Iman dan Ihsan. Tasawwur Islam merupakan satu ilmu yang perlu dipelajari dan dihayati kerana ianya menjelaskan kepentingan dan faedah memahaminya, ciri-ciri kesempurnaannya dan rukun-rukun Islam seperti konsep Syahadah, ibadah Solat, Puasa, Zakat dan Haji. Iman pula meliputi perkara-perkara dalam rukun Iman iaitu kepercayaan kepada Allah, Rasul, Kitab-Kitab, Malaikat, hari Akhirat dan Qada' Qadar. Ihsan pula sepertimana hadis Rasulullah SAW daripada Umar al Khattab yang bermaksud; *"Khabarkan kepadaku tentang ihsan"*, Rasulullah SAW menjawab: *"Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah SWT seolah-olah engkau melihatNya, tetapi jika engkau tidak melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau"*.

Kata Kunci: Iman, Islam, Ihsan, Rukun-Rukun

ISLAM SEBAGAI AD-DIN

Sub Topik

1. Membincangkan pengertian Islam, Iman dan Ihsan
2. Melaksanakan Rukun Islam
3. Membincangkan Rukun Iman
4. Membincangkan Ihsan

Pengenalan

Islam sebagai al Din terbina melalui tiga (3) perkara asas iaitu Akidah, Syariah dan Akhlak. Akidah berkaitan dengan konsep ketuhanan dan kepercayaan, Syariah berperanan sebagai peraturan serta perundangan kehidupan manusia mempunyai tiga (3) kategori utama, iaitu Muamalat, Munakahat dan Jenayah. Manakala Akhlak pula membincangkan hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan makhluk-makhluk yang lain.



Rajah 1: Islam Sebagai Ad Din

1.0 Pengertian Islam, Imam dan Ihsan

1.1 Pengertian Tasawwur Islam

Islam dari segi bahasa berasal daripada bahasa Arab, iaitu 'Salima' bererti selamat, sejahtera atau kedamaian. Manakala mengikut istilah Islam bermaksud menyerah diri, tunduk, patuh dan taat

melaksanakan segala perintah Allah SWT dan membenarkan semua ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Islam juga mengikut istilah syarak ialah patuh dan menyerah diri kepada Allah SWT dengan penuh kesedaran dan kerelaan tanpa paksaan. Islam juga ialah peraturan hidup yang bersifat integral yang mengatur kehidupan manusia dan menjadi dasar akhlak mulia yang disampaikan oleh Rasulullah SAW.

FirmanNya dalam Surah al Baqarah ayat 131:

إذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya:

(Ingalah) ketika Tuhanya berfirman kepadanya: "Serahkanlah diri (kepadaKu wahai Ibrahim)!" Nabi Ibrahim menjawab: "Aku serahkan diri (tunduk taat) kepada Tuhan Yang Memelihara dan mentadbirkan sekelian alam".

Sabda Rasulullah SAW ketika ditanya oleh Jibril, berkaitan dengan Islam, yang bermaksud:

"Ceritakan padaku (wahai Muhammad) tentang Islam", Rasulullah SAW menjawab: Engkau mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT, Muhammmad ialah hamba dan pesuruhNya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, puasa bulan ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah jika engkau mampu".

1.2 Kepentingan dan faedah memahami konsep Tasawwur Islam:

1. Membentuk nilai-nilai hidup Islam yang tetap dan tidak boleh dipermainkan.

Islam ialah agama yang tetap dan mempunyai ukuran nilai yang teguh. Tidak ada kuasa di dunia ini yang dapat menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah SWT dan RasulNya. Contohnya zina itu jahat dan ia tetap jahat pada bila-bila masapun. Oleh kerana Islam mempunyai ukuran nilai yang tetap dan teguh, maka tidak ada kuasa yang boleh mempermaining nilai-nilainya untuk kepentingan sendiri atau golongan tertentu.

- 2. Tasawwur Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh yang mengatur semua bahagian dari kehidupan manusia.**

Sistem dan cara hidup yang bermula dengan mengatur kehidupan dari bangun tidur hingga menyusun masyarakat dan menentukan hubungan antara negara dan umat di dunia ini. Tidak ada sistem-sistem hidup di dunia ini yang menentukan aturan-aturan dan susunan-susunan yang selengkap Islam.

- 3. Islam ialah sistem untuk semua manusia, bukan untuk golongan atau bangsa tertentu sahaja.**

Islam bukanlah sistem untuk satu zaman, malahan ia adalah untuk setiap zaman dan setiap tempat. Peraturan-peraturannya sesuai untuk dilaksanakan di dalam masyarakat di seluruh dunia. Islam dapat menegakkan pemerintahan di dunia barat dan dapat melahirkan tamadun yang agung di Sepanyol. Islam juga pernah membentuk tamadunnya di kepulauan Melayu dan India begitu juga di Afrika dan Asia Barat.

1.3 Ciri-Ciri Kesempurnaan Islam

Antara ciri-ciri kesempurnaan Islam ialah:



Rajah 2: Ciri-ciri Kesempurnaan Islam

1. Rabbani (Ketuhanan)

Rabbani atau ketuhanan bermaksud segala hukum, konsep, nilai dan peraturan di dalam Islam ditetapkan oleh Allah SWT. Islam bukanlah hasil pemikiran dan ciptaan manusia. Seluruh alam, peraturan serta sistem yang terdapat dalam Islam merupakan ciptaan Allah SWT dan manusia adalah pelaksana. Manusia hanyalah sekadar memahami, memperkembangkan dan melaksanakannya dalam kehidupan.

Penerimaan hakikat Rabbaniyyah akan mendorong manusia melaksanakan seluruh tuntutan Islam dengan penuh yakin, gembira, redha, jujur dan ikhlas.

2. Al-Thabat wa al-Murunah (Tetap dan Anjal)

Thabat bermaksud tetap atau tidak berubah. Dalam konteks ajaran Islam, ada perkara yang telah tetap dan tidak boleh dipinda dan diubah-ubah dasar, prinsip dan perlaksanaannya. Antara perkara yang termasuk dalam konsep *thabat* adalah aspek akidah dan hukum-hakam amaliyyah yang dinyatakan secara *qat'i* (pasti) dalam al Quran dan al Sunnah.

Al-Murunah (anjal) pula bermaksud bahawa selain daripada perkara-perkara pokok dan dasar yang tidak boleh berubah, terdapat juga perkara-perkara ranting dan cabang yang boleh berubah mengikut kesesuaian dengan perubahan *maslahah* manusia sepanjang peredaran zaman. Hal ini menjadikan agama Islam yang diturunkan oleh Allah SWT sentiasa sesuai dan bersifat senang dan mudah untuk diamalkan. Islam mementingkan kemudahan dan tidak sesekali menyusahkan umatnya dalam mengamalkan segala ajarannya. Sebagai contoh, solat adalah wajib dan perlu dilaksanakan mengikut ketetapan rukun. Walaubagaimanapun, jamak dan qasar dibenarkan dalam solat sekiranya seseorang itu bermusafir. Ini terbukti bahawa hukum Islam tidak statik, sebaliknya bersifat anjal dan fleksibel dengan memberi keutamaan kepada keselesaan penganutnya.

3. Waq'iyyah (Realistik)

Waq'iyyah bermaksud ajaran Islam bersifat praktikal dan realistik iaitu bersesuaian dengan realiti kehidupan manusia. Ajaran Islam sentiasa seiring dengan kenyataan hidup manusia. Dalam menetapkan sesuatu hukum atau peraturan, Islam sentiasa mengambil kira realiti semasa, setempat

dan adat yang diamalkan. Umpamanya, jika sesuatu masyarakat telah mengamalkan sesuatu adat atau budaya tertentu dalam menjalankan aktiviti ekonomi atau perniagaan antara mereka, dan adat itu pula tidak mendatangkan sebarang keburukan dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam, maka ia diiktiraf dan diterima dalam Islam.

Selain itu, dalam memerintahkan ketaatan manusia kepada hukum-hukumnya, Islam tidak membebankan manusia dengan hukuman yang tidak realistik sehingga manusia tidak mampu menunaikannya. Misalnya, Islam tidak memerintahkan manusia untuk beribadat sepanjang masa sehingga mengabaikan kerja-kerja harian untuk mencari rezeki bagi menampung keperluan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Malah, kerja-kerja harian ini jika dilakukan dengan betul dan memenuhi syarat-syaratnya, turut dianggap sebagai ibadat dan pelakunya diberi pahala yang banyak.

4. *Tawazun* (Keseimbangan)

Tawazun bermaksud ajaran Islam memberikan perhatian yang seimbang kepada semua aspek kehidupan manusia; dari segi individu dan masyarakat, rohani dan jasmani, kebendaan dan kerohanian serta dunia dan akhirat.

Islam tidak membenarkan umatnya mementingkan diri sehingga mengabaikan kepentingan masyarakat dan begitu juga sebaliknya. Islam juga tidak membenarkan umatnya mementingkan aspek kerohanian semata-mata sehingga mengabaikan aspek jasmani dan kebendaan dan begitu juga sebaliknya.

5. *Syumul* (Menyeluruh)

Syumul bermaksud Islam merupakan agama yang sempurna dan menyeluruh serta mencakupi segala aspek kehidupan setiap manusia. Allah SWT memiliki segala sifat kesempurnaan dan pengetahuan. Semua aspek kehidupan manusia dijelaskan dan diberikan panduan oleh Allah SWT. Oleh itu, Islam mempunyai peraturan hidup yang serba lengkap, merangkumi semua aspek kehidupan manusia dari segi kepercayaan, pemikiran, akhlak, ekonomi, politik, sosial, perundangan, pendidikan, alam sekitar, kesihatan dan lain-lain. Jika prinsip dan panduan ajaran Islam ini dihayati sepenuhnya dengan bijaksana, maka ia berupaya menyelesaikan segala masalah yang dihadapi manusia.

Namun begitu, tidak semua aspek kehidupan manusia ini dijelaskan dengan terperinci dalam al Quran dan al Hadith. Hal ini kerana perjalanan hidup manusia akan berterusan manakala wahyu al Quran dan

al Hadith pula terhenti dengan kewafatan Rasulullah SAW. Oleh itu, sebahagian besar panduan yang berkaitan aspek kehidupan manusia dinyatakan dalam wahyu secara umum dan prinsipnya sahaja. Perinciannya dibiarkan kepada manusia mengikut kesesuaian masa dan suasana kehidupan mereka. Inilah yang menjadikan ajaran Islam itu sentiasa sesuai untuk semua manusia pada semua zaman.

6. *Alamiyyah (Kesejagatan)*

Alamiyyah bermaksud Islam merupakan agama yang universal, tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang. Malah, Islam sesuai untuk semua manusia, setiap bangsa dan tidak terbatas pada masa-masa tertentu. Aspek *Alamiyyah* merangkumi tiga bidang utama iaitu Syariah, Akhlak dan Akidah.

Semua manusia tanpa mengira bahasa, warna kulit dan bangsa mempunyai kedudukan yang sama di sisi Allah SWT. Tidak ada bangsa yang lebih mulia daripada bangsa lain kerana faktor bangsa atau warna kulit atau bahasa semata-mata, yang membezakan seseorang dengan yang lain ialah tahap ketakwaan kepada Allah SWT.

Kesejagatan Islam bukan sahaja meliputi sesama manusia, malah merangkumi makhluk yang lain. Allah SWT bukanlah Tuhan manusia sahaja, malah Allah SWT juga merupakan Tuhan bagi makhluk yang lain. Oleh itu, ajaran Islam diturunkan bukan sahaja untuk menjaga kebahagiaan dan kebijakan makhluk manusia sahaja, tetapi juga makhluk yang lain seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain.

7. *Wasatiyyah (Kesederhanaan)*

Wasatiyyah ialah elemen yang sangat penting dalam Islam. Islam menolak semua unsur ekstremisme dalam kehidupan manusia. Sikap melampau bukan sahaja ditegah dalam aspek kehidupan di dunia seperti pemakanan, mengumpul harta dan sebagainya. Malahan, dalam aspek keakhiratan seperti beribadat dan berzikir, sekiranya dilakukan secara melampau, juga tidak dibenarkan.

Islam amat menitikberatkan kesederhanaan dalam semua perkara kerana sifat kesederhanaan ini sesuai dengan fitrah manusia. Dalam aspek pemakanan umpamanya, Allah SWT menyuruh manusia makan dan minum dari makanan dan minuman yang baik. Namun pada masa yang sama juga Allah SWT mengingatkan manusia agar tidak melampaui batas.

1.4 Pengertian Iman dan pembahagiannya

Pengertian Iman

Pengertian Iman dari sudut bahasa ialah percaya atau membenarkan. Menurut Imam al Ghazali, Iman adalah pengakuan dengan lidah (lisan), membenarkan pengakuan dengan hati dan mengamalkan dengan rukun-rukun (anggota-anggota).

Orang yang beriman ialah orang yang percaya, mengaku dan beramal. Seseorang itu belum dikatakan sempurna imannya sekiranya ketiadaan salah satu daripadanya.

Pembahagian Iman

Para ulama' membahagikan Iman kepada beberapa peringkat:

Pembahagian Iman

- Taklid
- Ilmu
- A'yan
- Haq
- Hakikat

1. Iman Taqlid

Iman ikut-ikutan. Pegangan Islamnya tidak kuat dan prinsip Islamnya tidak kukuh. Iman taqlid adalah tertolak dan tidak mendapat pahala di sisi Allah SWT.

2. Iman Ilmu

Iman berdasarkan ilmu. Iaitu seseorang yang mempelajari tentang rukun-rukun Iman, tetapi keyakinannya kuat bertunjang pada akal. Orang yang beriman peringkat ilmu tidak takut kepada Allah SWT dan mudah menderhakai. Mereka hanya mampu memperkatakan Islam, tetapi tidak mengamalkan Islam sebagai cara hidup. Peringkat iman ini belum lagi dapat menyelamatkan seseorang itu dari api neraka.

3. Iman A'yan

Hati orang-orang yang beriman *A'yan* sentiasa mengingati Allah SWT, ibadahnya khusyuk dan sentiasa merasai kebesaran Allah SWT. Apabila disebut nama Allah, gementar hatinya. Semua perintah Allah SWT dipatuhi dengan rela dan bersungguh-sungguh mengamalkan *amar makruf nahi mungkar*. Orang yang berada di peringkat iman *A'yan* tidak lama dihisab di akhirat dan mudah masuk syurga.

4. Iman Haq

Seseorang yang mencapai Iman Haq, mata hatinya melihat Allah SWT. Hatinya tidak terpaut dengan dunia dan ianya tidak dapat dilalaikan oleh nafsu ataupun syaitan.

5. Iman Hakikat

Peringkat iman yang paling sempurna dan tertinggi yang dimiliki oleh para Rasul dan Nabi, *Khulafa al-Rasyidin* serta wali-wali besar. Allah SWT akan menurunkan barakah di mana sahaja mereka berada. Mereka dimasukkan ke dalam Syurga tanpa melalui hisab lagi.

1.5 Kaedah menjaga dan mempertingkatkan Iman.

1. Mempelajari kehidupan para sahabat Rasulullah SAW, *tabiin* dan *taabit tabiin*.

Mereka adalah generasi-generasi terbaik dari Islam. Mereka adalah orang-orang yang kadar keimanannya diibaratkan sebesar Gunung Uhud sementara manusia zaman kini kadar keimanannya diibaratkan tak lebih dari sebutir debu dari Gunung Uhud. Umar al Khattab pernah memuntahkan makanan yang sudah dimakannya ketika mengetahui makanan yang diberikan padanya tidak diketahui sumber.

2. Menyingkirkan sifat sompong dan merenungi kejadian alam.

Sesungguhnya kita perlu yakin bahawa ada kekuatan luar biasa yang mampu menciptakan alam yang sempurna ini, terbina sebuah struktur dan sistem kehidupan yang rapi, mulai dari peredaran cakerawala hingga sel-sel atom yang seni. Berusaha keras melakukan amal perbuatan yang baik secara ikhlas. Menggerakkan amal dimulakan dari hati, kemudian terungkap melalui lidah dan kemudian dilakukan oleh anggota tubuh kita. Lakukan pembersihan hati dari sifat-sifat buruk dan selalu menjaga kesuciannya. Ciptakan sifat *mahmudah* seperti sabar, tawakal, takut kepada Allah SWT dan jauhi sifat *mazmumah* seperti tamak, kikir, berprasangka buruk dan sebagainya.

3. Sentiasa menjaga batas-batas hukum Allah sebagaimana firman Allah dalam Surah al Taubah ayat 112:

الَّذِينَ الْعَدِيُونَ الْحَامِدُونَ السَّابِقُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهِوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَالْحَفِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

Mereka itu ialah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahanan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).

Sebagai seorang muslim dan mukmin, kita hendaklah menjaga batas-batas hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Di antaranya menjaga batas pergaulan sesama kita di antara lelaki dan perempuan, menjaga mata, hati, lidah dan sebagainya dari melakukan maksiat dan kemungkaran di atas muka bumi ini.

4. Selalu mengingati kematian.

Mati membuktikan kepada manusia bahawa sebenarnya ia tidak pernah memiliki sesuatu pun. Mati juga membangunkan kita daripada angan-angan yang panjang mengenai nikmat hidup yang tak bererti tanpa sifat berkekalan. Selain itu juga mati akan menambah kekuatan iman seseorang muslim tersebut dimana apabila kita sentiasa mengingati akan membuatkan kita takut untuk melakukan maksiat dan kejahanan kerana mati akan hadir tanpa diketahui bila masanya.

5. Segera bertaubat apabila melakukan kesalahan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Imran ayat 133:

وَسَارَ عَوْا إِلَى مَعْفَرَةٍ مِّنْ رَّبْكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أَعْدَتْ لِلْمُنْتَقَيِّنَ

Maksudnya: *Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa.*

Taubat adalah kembali kepada Allah SWT setelah melakukan maksiat. Taubat merupakan rahmat Allah yang diberikan kepada hambaNya agar mereka dapat kembali kepadaNya. Sesungguhnya Allah sentiasa membuka pintu taubat kepada hamba-hambaNya supaya mereka menginsafi kesalahan dan kemungkaran yang mereka lakukan dan kembali ke jalan yang benar.

1.6 Pengertian Ihsan dan permasalahannya

Pengertian Ihsan sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang di riwayatkan oleh Umar al Khatab yang bermaksud:

“Khabarkan kepadaku tentang Ihsan”, Rasulullah SAW menjawab: “Ihsan itu adalah bahawa engkau menyembah Allah SWT seolah-olah engkau melihatNya, tetapi jika engkau tidak melihatnya, sesungguhnya Dia melihat engkau”. (Riwayat Muslim)

Ihsan merangkumi tiga (3) aspek utama iaitu Ibadah, Muamalat dan Akhlak.

a. Ibadah

Ihsan dalam beribadah ialah dengan menunaikan semua jenis ibadah seperti solat, puasa, haji dan sebagainya dengan cara yang betul, menyempurnakan segala rukun, syarat dan adab-adabnya. Perkara ini tidak mungkin akan dicapai oleh seseorang itu kecuali ketika melaksanakan ibadat-ibadat tersebut ianya dipenuhi dengan kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa memantaunya dan merasai ianya sedang diperhatikan olehNya.

b. Muamalat

Firman Allah SWT dalam surah an-Nissa' ayat 36 ,

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ

Maksudnya:

"Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuatNya dengan sesuatu pun, dan berbuat baiklah kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jauh, ibnu sabil dan hamba."

Antara Ihsan dalam muamalat ialah:

- i. Ihsan kepada ibubapa
- ii. Ihsan kepada kaum kerabat
- iii. Ihsan kepada anak yatim
- iv. Ihsan terhadap jiran tetangga
- v. Ihsan terhadap Ibnu Sabil dan musafir

c. Akhlak

Ihsan dalam akhlak merupakan hasil dari ibadah dan muamalah. Seseorang akan mencapai tingkat Ihsan dalam akhlaknya apabila ia telah melakukan ibadah seperti hadis Rasulullah SAW iaitu menyembah Allah seakan-akan melihatNya, dan jika kita tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Allah SWT sentiasa melihat kita. Jika hal ini telah dicapai oleh seorang hamba, maka sesungguhnya itulah puncak Ihsan dalam ibadah. Pada akhirnya, ia akan berbuah menjadi akhlak atau perilaku, sehingga mereka yang sampai pada tahap Ihsan dalam ibadahnya akan terlihat jelas dalam perilaku dan karakternya.

Hakikat ihsan mengajarkan kita agar sentiasa menjaga dan memperhatikan hak-hak dan menyedari betapa agungnya kebesaran Allah SWT. Ihsan mengajar kepada seluruh muslim bersikap profesional dalam setiap aktiviti yang dilakukan. Hakikat hidup ini mengajar agar manusia berlumba-lumba melakukan kebaikan yang terbaik dan mantap disisi Allah SWT dan makhluk. Ihsan akan meningkatkan kualiti diri seorang muslim dan semua amalannya dilandasi sebuah keyakinan bahawa sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengawasi dan menilai amalan-amalannya.

Tutorial 1

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Islam dari sudut istilah?
2. Nyatakan ciri-ciri kesempurnaan Islam.
3. Para ulama' membahagikan Iman kepada beberapa peringkat, nyatakan peringkat-peringkat Iman.
4. Jelaskan aspek Ihsan dalam Muamalat.

2.0 Melaksanakan Rukun Islam

2.1 Konsep Syahadah

Syahadah dari segi bahasa ialah penyaksian. Manakala dari segi istilah ialah penyaksian tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 17:

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمَرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَهِيدِينَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ بِالْكُفُرِ أَوْ لِكَ خَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ وَ فِي التَّارِخُ هُمْ خَلُوْنَ

Maksudnya:

"Tiadalah orang-orang musyrik itu berhak meramaikan masjid-masjid Allah sedang mereka telah mengakui bahawa mereka sendiri tidak beriman, itulah orang-orang yang pekerjaan mereka sia-sia sahaja dan mereka kekal di neraka"

Kalimah Syahadah ialah:

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ

Erti Kalimah Syahadah:

Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah

Pembahagian Syahadah:

1. Syahadah Kepada Allah

Mentauhidkan Allah SWT dengan tauhid Rububiyyah, Uluhiyyah dan Asma' wa as-Sifat, tidak menghadapkan sembahana kepada sesuatu selain Allah.

Syahadah kepada Allah SWT mempunyai dua (2) rukun iaitu;

1. La ilaha illallah (nafi)- pada kalimah *La ilaha* yang bererti menolak sebarang bentuk pengabdian selain daripada Allah SWT
2. Ithbat (penegasan)- pada kalimah *illallah* yang bererti menegaskan tentang hakikat ketuhanan Allah SWT Yang Maha Esa.

Jadual 1: Tauhid Kepada Allah

PEMBAHAGIAN TAUHID	MAKSUD
Rububiyyah	Pengakuan bahawa Allah SWT ialah Tuhan bagi sekalian alam. Dialah Tuhan yang mencipta dan mentadbir alam ini.
Uluhiyyah	Pengakuan dan kepatuhan bahawa Allah SWT sahaja yang layak disembah dengan sebenar-benarnya dan diserahkan pengabdian diri kepadaNya semata-mata.
Asma' wa al-Sifat	Mengakui dan beriman kepada nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT yang Maha Agung serta mensucikanNya daripada segala sifat kekurangan.

2. Syahadah Kepada Rasul

1. Meyakini bahawa Rasulullah SAW adalah manusia pilihan Allah SWT.
2. Menerima semua sifat dan akhlak kerasulan seperti siddiq, amanah, tabligh dan fatanah.
3. Membenarkan setiap yang baginda sampaikan. Ini kerana baginda tidak berkata-kata sembarangan, sebaliknya ia adalah panduan daripada Allah SWT.

- Meyakini bahawa baginda Rasulullah SAW dipelihara oleh Allah daripada terjebak dalam sebarang bentuk dosa. Baginda juga dipelihara daripada tersalah dalam menyampaikan risalah Allah SWT.

PERKARA YANG MEMBATALKAN SYAHADAH

IKTIKAD	PERBUATAN	PERKATAAN
Meragui terhadap kewujudan Allah SWT, kerasulan Muhammad SAW dan rasul-rasul lain atau berlakunya kiamat, syurga, neraka dan perkara-perkara <i>sam'iyyat</i> lain	Melakukan perbuatan yang mensyirikkan Allah SWT seperti menyembah berhala, percaya kepada tahlil dan sebagainya	Mengucapkan perkataan yang mencaci, menghina dan merendah-rendah hukum atau perkataan yang menafikan kewujudan Allah SWT, kerasulan Nabi Muhammad SAW dan perkara-perkara <i>sam'iyyat</i> lain

Rajah 3: Perkara-Perkara yang Membatalkan Syahadah

2.2 Melaksanakan Ibadah solat dengan sempurna

Pengertian Solat

Solat dari segi bahasa ialah doa. Manakala dari segi istilah pula solat ialah, beberapa perbuatan yang dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam mengikut rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu.

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 103,

فَأَقِمُوا الصَّلَاةَ ۝ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْفُونًا

Maksudnya:

Maka dirikanlah olehmku akan sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu difardhukan ke atas orang mukmin pada waktu yang ditetapkan.

Sembahyang difardhukan pada malam Isra' Mikraj Nabi Muhammad SAW iaitu pada malam 27 Rejab, selepas 10 tahun 3 bulan Rasulullah SAW dilantik sebagai Nabi.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

"Telah difardhukan oleh Allah SWT ke atas umatku pada malam Isra' Mikraj sembahyang 50 waktu, oleh itu aku berulang-ulang mengadap Allah dan meminta kurangkan sembahyang sehingga dikurangkan kepada 5 waktu sehari semalam".

Perkara yang berkaitan dengan Solat

Jadual 2: Perkara-Perkara yang berkaitan dengan Solat

Syarat Wajib	Syarat Sah	Rukun
<p>1. Islam.</p> <p>2. Baligh.</p> <p>3. Berakal.</p> <p>4. Suci daripada haid dan nifas bagi kaum wanita.</p> <p>5. Sejahtera pancaindera</p> <p>6. Sampai seru</p> <p>7. Tidak tidur</p>	<p>1. Suci daripada hadas kecil dan hadas besar.</p> <p>2. Suci seluruh anggota badan, pakaian dan tempat.</p> <p>3. Menutup aurat.</p> <ul style="list-style-type: none"> •Lelaki: bermula daripada pusat hingga lutut. •Perempuan: seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan. <p>4. Menghadap ke kiblat.</p> <p>5. Mengetahui tentang masuknya waktu solat sama ada dengan yakin atau jangkaan melalui ijihad atau bertaqlid kepada orang yang tahu mengenainya.</p>	<p>1. Niat.</p> <p>2. Berdiri betul.</p> <p>3. Takbiratul ihram.</p> <p>4. Membaca al-Fatihah.</p> <p>5. Ruku' berserta tamakninah.</p> <p>6. I'tidal berserta tamakninah.</p> <p>7. Sujud berserta tamakninah.</p> <p>8. Duduk antara dua sujud berserta tamakninah.</p> <p>9. Duduk tahiyyat akhir.</p> <p>10. Membaca tahiyyat akhir.</p> <p>11. Membaca selawat ke atas Nabi.</p> <p>12. Memberi salam pertama.</p> <p>13. Tertib.</p>

2.3 Membincangkan Ibadah Puasa, Zakat dan Haji

Pengertian Puasa

Pengertian Puasa dari segi bahasa ialah menahan diri daripada melakukan sesuatu. Manakala dari segi syarak pula Puasa ialah menahan diri pada waktu siang daripada melakukan perkara-perkara tertentu dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Puasa difardukan pada bulan Sya'ban tahun kedua hijrah. Firman Allah SWT dalam Surah Al- Baqarah ayat 183,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya:

"Hai orang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa".

Hukum Mengingkari Puasa

Orang yang sengaja mengingkari kefardhuan puasa adalah kafir, sama dengan murtad, kecuali mereka yang baru memeluk Islam atau tidak sampai seruan Islam kepadanya.

Perkara-perkara berkaitan dengan Puasa

Jadual 3: Perkara-perkara yang berkaitan Puasa

Syarat wajib	Syarat Sah	Rukun
1. Islam. 2. Berakal-tidak sah puasa orang yang hilang akal. 3. Baligh. 4. Tiada keuzuran yang menghalangnya berpuasa.	1. Islam. 2. Mumaiyiz. 3. Niat 4. Suci daripada haid dan nifas sepanjang siang hari puasa (bagi perempuan). 5. Menahan diri daripada segala yang membatalkan puasa. 6. Pada hari yang sah puasa.	1. Berniat. 2. Menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga tenggelam matahari.

Perkara Yang Membatalkan Puasa

1. Memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan dengan sengaja, sama ada daripada jenis makanan atau bukan makanan.
2. Memasukkan sesuatu melalui dua jalan (qubul dan dubur).
3. Memuntahkan makanan dengan sengaja.
4. Jimak (bersetubuh).
5. Mengeluarkan mani dengan sengaja.
6. Keluar darah haid.
7. Keluar darah nifas.
8. Gila.
9. Murtad.
10. Pengsan sepanjang hari ketika berpuasa.

Adab-Adab Puasa

- Bersahur
- Melewatkhan sahur
- Meninggalkan kata keji
- Memelihara anggota tubuh badan
- Banyak bersedekah
- Menyegerakan berbuka

Orang Yang Boleh Tidak Berpuasa

1. Orang sakit dan sulit berpuasa.
2. Orang yang bermusafir.
3. Orang yang terlalu tua atau pesakit yang tiada harapan untuk sembuh.
4. Wanita hamil dan menyusui anaknya.

Hikmah Puasa

- ❖ Membina takwa kepada Allah
- ❖ Muraqabah kepada Allah SWT
- ❖ Membersihkan iawa

Jadual 4: Jenis-jenis Puasa

Puasa Sunat	Puasa Makruh	Puasa Haram
<ul style="list-style-type: none">• Hari Arafah, 9 Zulhijah• Hari Asyura 9 dan 10 Muharram• Hari Isnin dan Khamis• Puasa pada pertengahan bulan iaitu 13, 14 dan 15 haribulan• Puasa enam hari dalam bulan syawal.	<ul style="list-style-type: none">• Puasa hari Jumaat atau Sabtu sahaja• Puasa sepanjang tahun	<ul style="list-style-type: none">• Hari raya Aidilfitri, iaitu 1 Syawal• Hari raya Aidiladha, iaitu 10 Zulhijah• Hari Tasyrik, iaitu 11, 12, dan 13 Zulhijah• Hari syak, iaitu 30 Syaaban

Pengertian Zakat

Zakat dari segi bahasa ialah suci dan subur. Manakala dari segi istilah ialah kadar harta tertentu diberikan kepada yang berhak menerimanya dengan beberapa syarat.

Hukum zakat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang memenuhi segala syarat-syaratnya.

Jenis-Jenis Zakat

1. Zakat Fitrah

Zakat Fitrah adalah zakat yang diwajibkan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang tertentu dan boleh dibayar pada bulan Ramadhan sehingga pagi 1 Syawal sebelum melaksanakan solat sunat Aidil Fitri. Kadar Zakat Fitrah adalah empat (4) cupak beras atau makanan asasi.

2. Zakat Harta


Zakat harta ialah zakat yang dikenakan ke atas harta-harta tertentu dan boleh dibayar pada bila-bila masa. Kadar zakat harta ialah 2.5% dari jumlah harta. Zakat harta wajib dikeluarkan kerana ia adalah satu jalan jihad kepada Allah dan Islam.



Rajah 4: Jenis-Jenis Zakat Harta

Syarat Wajib Menunaikan Zakat

1. Islam.
2. Merdeka.
3. Milik sempurna. Harta mestilah dimiliki sepenuhnya dan dapat digunakan pada masa yang dikehendaki tanpa terikat dengan kebenaran dari orang lain.
4. Cukup Nisab. Nisab ialah kadar minima yang ditetapkan syarak untuk mewajibkan zakat. Sesetengah harta yang hendak dizakatkan mestilah bersamaan atau lebih nilainya dengan nilai 85 gram emas mengikut harga semasa seperti zakat emas, pendapatan, wang simpanan dan saham. Manakala, sesetengah harta yang lain menggunakan kadar nisab yang tersendiri seperti zakat ternakan, tanaman dan rikaz dan perak.
5. Cukup haul. Haul ialah berlalu tempoh setahun harta dimiliki. Perkiraan haul dalam hukum syarak adalah berdasarkan kepada tarikh hijriah (354/355 hari).



Rajah 5: Golongan Yang Berhak Menerima Zakat

3.0 MEMBINCANGKAN RUKUN IMAN

Iman berasal dari perkataan Arab ‘aamana’ yang bermaksud aman atau membentuk keadaan aman atau tenteram. Dalam ilmu Tauhid pula Iman bermaksud: Ikrar dengan lidah, tasdiq dalam hati dan mengamalkan dengan anggota.



Rajah 6: Rukun-Rukun Iman

3.1 Menerangkan Konsep Beriman kepada Allah SWT.

Beriman bukan semata-mata menyatakan ‘percaya adanya Allah SWT’ kerana kepercayaan seperti ini sama seperti orang-orang kafir. Mereka juga percaya adanya tuhan tetapi mereka tidak mengenal tuhannya, maka mereka menyembah tuhan mereka mengikut akal dan logik semata-mata.

Bagi orang-orang yang beriman kepada Allah SWT dan perkara-perkara yang didatangkan olehNya jauh berbeza penyembahannya dan mempunyai adab dan syarat-syaratnya yang telah ditentukan oleh Allah SWT melalui petunjuk Rasulullah SAW.

Sebab itu menyatakan kepercayaan kepada Allah SWT perlu kepada keyakinan dan tindakan. Ini adalah dasar konsep keimanan yang mesti dilakukan oleh orang-orang beriman.

Hakikat Beriman Kepada Allah SWT

Beriman kepada Allah SWT mencakupi empat perkara:

1. Beriman kepada adanya Allah SWT.
2. Beriman kepada *rububiyyah Allah*, iaitu Dialah satu-satunya yang menciptakan, mengatur dan memberi rezeki kepada seluruh makhlukNya.
3. Beriman kepada *uluhiyah Allah*, iaitu Dialah satu-satunya yang berhak disembah.
4. Beriman kepada *asma'* dan sifat-sifatNya.

Hakikat Iman kepada Allah SWT adalah satu hakikat besar yang mencakupi seluruh kehidupan manusia. Apabila Iman bersemi dalam hati seseorang, maka Iman itu akan terus menjelmakan kesannya dalam bentuk amal perbuatan, kegiatan dan perjuangan yang mengharapkan keredhaan Allah SWT. Dia taat, tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT sama ada dalam hal yang kecil mahu pun besar.

Iman lah yang akan mencernakan keseluruhan aspek kehidupan manusia yang meliputi bisikan jiwa, cetusan hati, keinginan roh, kecenderungan fitrah, gerakan jasmani, tindakbalas pancaindera dan semua perbuatan sama ada semasa bersendirian mahupun di depan orang ramai mengikut kehendak Allah SWT.

Manusia boleh mengetahui wujudnya Allah SWT melalui perkhabaran para rasul melalui kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka serta disokong dengan kajian-kajian terhadap alam.

3.2 Menyatakan Keperluan Beriman Kepada Rasul

a. Pengenalan Nabi dan Rasul

Perkataan Nabi bermaksud orang yang membawa perkhabaran mengenai perkara ghaib. Menurut istilah Nabi ialah orang lelaki yang dipilih oleh Allah SWT dan diberi wahyu untuk dirinya sahaja dan tidak diperintahkan untuk disampaikan kepada orang lain.

Rasul pula menurut bahasa ialah “utusan ke sesuatu tempat”. Manakala menurut istilah pula ialah orang lelaki yang dipilih oleh Allah SWT dan diberi wahyu untuk diri sendiri dan menyampaikan pula kepada orang lain.

b. Matlamat Pengutusan Rasul

Allah SWT telah mencipta manusia dengan sebaik-baik kejadian, namun demikian manusia masih lagi memerlukan panduan kerana manusia masih mempunyai kelemahan-kelemahan untuk menentukan sesuatu yang baik dengan sesuatu yang buruk, di antara sesuatu yang benar dan yang salah, terutamanya mengenai perkara-perkara ghaib seperti hidup semula selepas mati, syurga, neraka dan sebagainya.

Oleh yang demikian Allah SWT telah mengutuskan para rasul kepada manusia dengan tujuan antara lainnya sebagaimana berikut:

- i. Mengajak manusia supaya bersaksi dan beribadat kepada Allah SWT serta menegakkan ajaran-ajaran agamaNya.
- ii. Untuk menjelaskan kepada manusia tentang perkara-perkara ghaib yang tidak dapat difikir melalui akal fikiran semata-mata.
- iii. Untuk memberi rahmat kepada seluruh alam, kerana pengajaran yang dibawa olehnya dapat memberi kebaikan bukan sahaja kepada manusia bahkan kepada seluruh makhluk.
- iv. Untuk menyampaikan undang-undang Allah SWT kepada manusia supaya mereka mendapat kesejahteraan dan kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat.

3.3. Menyatakan keperluan Beriman Kepada Kitab-Kitab

Maksud beriman dengan kitab ialah kepercayaan yang pasti bahwasanya Allah SWT memiliki kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul-rasulNya untuk disampaikan kepada para hambaNya dan kitab-kitab tersebut terdapat kebenaran, cahaya dan petunjuk bagi manusia baik di dunia maupun di akhirat.

Dalam Islam terdapat empat (4) buah kitab yang wajib kita percaya iaitu;

- i. Kitab Taurat diturunkan kepada Nabi Musa AS
- ii. Kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Daud AS
- iii. Kitab Injil diturunkan kepada Nabi Isa AS
- iv. Kitab al Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Kesemua kitab-kitab di atas telah berjaya diubah oleh umat-umat terdahulu kecuali kitab al Quran kerana Allah SWT telah berjanji akan menjaga al Quran sebagaimana firmanNya dalam Surah al Hijr ayat 9,

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al Quran dan Kamilah yang menjaganya”.

Untuk kesejahteraan alam ini Allah SWT telah mengaturkan peraturan dan undang-undang untuk semua makhluk termasuk manusia. Untuk manusia selain undang-undang biasa (semula jadi), Allah SWT telah menurunkan undang-undang lain dalam bentuk tanggungjawab (taklif) supaya kehidupan mereka berjalan dengan lebih baik, teratur dan selamat.

Peraturan dan undang-undang tersebut menerusi nabi-nabi dan para rasul kemudian dipanggil kitab yang mengandungi pengajaran-pengajaran, perintah-perintah dan larangan yang mesti dipatuhi oleh sekalian manusia sebagai panduan mereka setiap masa dan tempat.

Antara intisari maksud beriman kepada kitab (al Quran) ialah:

- i. Menerima segala isi kandungannya serta menghayati atau beramal dengan setulus hati
- ii. Menerima apa yang diterima olehnya dan menolak apa yang ditolak olehnya.
- iii. Membenarkan apa yang dibenarkan olehnya dan menyalahkan apa yang disalahkan olehnya.
- iv. Memerintah apa yang diperintah olehnya dan melarang apa yang dilarang olehnya.
- v. Menyukai apa yang disukainya dan membenci apa yang dibencinya.
- vi. Membaca dengan tujuan mendapat hidayah dan hikmatnya.
- vii. Mengambil pengajaran darinya untuk diamalkan.
- viii. Mengkaji, menyelidik, memikir dan mengamati dengan penuh kesedaran isi kandungannya agar mendapat hikmat dan rahmatnya

Tutorial 2

1. Berikan sebab yang boleh membatalkan Syahadah.
2. Nyatakan rukun-rukun Solat.
3. Hikmah menunaikan Haji. Nyatakan
4. Apakah cara beriman kepada Allah SWT.
5. Sebutkan empat (4) kitab yang wajib diimani.

3.4 Menyatakan keperluan beriman kepada Malaikat

Iktikad dengan sepenuh keyakinan bahawa Allah SWT mempunyai malaikat yang dijadikan daripada cahaya yang telah ditentukan untuk melakukan ketaatan, tidak melakukan sebarang maksiat terhadap Allah SWT dan melaksanakan semua arahan yang diperintahkan, mereka sentiasa bertasbih malam dan siang dengan tidak pernah berasa jemu, tidak diketahui bilangan mereka kecuali Allah SWT.

Para ulama bersepakat tentang kewajipan beriman dengan para malaikat, maka sesiapa yang mengingkari kewujudan mereka atau sebahagian daripada mereka seperti mana yang disebut oleh Allah SWT, hukumnya adalah kafir serta bercanggah dengan al Quran, as Sunnah dan Ijma' ulama'.

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa', ayat 136,

﴿ يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا يُكْفِرُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلٍ وَمَنْ يَكُفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴾

Maksudnya:

“Sesiapa yang kufur kepada Allah, malaikat malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya”.

Cara beriman dengan Malaikat.

1. Mengakui kewujudan mereka, mereka adalah makhluk ciptaan Allah SWT yang diciptakan untuk beribadat kepadaNya, kewujudan mereka adalah hakiki, kita tidak dapat melihat mereka bukan bermakna mereka tidak wujud, buktinya berapa banyak makhluk lain dalam alam ini yang kita tidak nampak, sedangkan ianya memang wujud.
2. Meletakkan taraf kedudukannya pada tempat yang telah Allah SWT tentukan. Mereka adalah hamba-hamba Allah yang diberi arahan (tugas), Allah SWT telah memuliakan mereka dengan mengangkat martabat kedudukan yang hampir denganNya.

Jadual 5: Nama Malaikat dan Tugas-Tugasnya

NAMA MALAIKAT	TUGAS
Jibril	Menyampaikan wahyu Ilahi kepada para Rasul.
Mikail	Menurunkan hujan, menumbuhkan tumbuh-tumbuhan, dan mengurus rezeki.
Raqib	Mencatat amal baik manusia.
Atid	Mencatat amal buruk manusia.
Malik	Menjaga pintu Neraka
Ridhwani	Menjaga pintu Syurga
Mungkar dan Nakir	Menyoal orang yang mati di dalam kubur.
Izrail	Mencabut nyawa
Israfil	Meniup sangkakala.

Kesan beriman dengan Malaikat.

1. Merealisasikan maksud Iman, kerana tidak sah Iman itu melainkan dengan beriman dengan mereka.
2. Mengetahui keagungan Pencipta mereka Yang Maha Tinggi dan mengetahui kekuatan serta kerajaanNya, kerana kehebatan makhluk ciptaanNya menunjukkan keagungan penciptanya.
3. Bertambah keimanan di dalam hati seseorang muslim dengan mengetahui sifat-sifat malaikat, keadaan serta tugas-tugas mereka.
4. Mendapat keamanan dan ketenangan bagi seseorang muslim apabila Allah SWT menguatkan mereka dengan bantuan malaikat.
5. Kasihkan para malaikat kerana mereka telah menjalankan ibadat dengan sempurna serta mereka sentiasa beristighfar (meminta ampun) bagi orangorang mukmin.
6. Membenci semua perbuatan jahat dan maksiat.

7. Bersyukur kepada Allah SWT kerana sentiasa mengambil berat terhadap hamba-hambaNya, dengan mengutuskan malaikat yang sentiasa menjaga keselamatan, menulis semua amalan yang dilakukan dan sebagainya bagi kebaikan manusia.

3.5 Keperluan Beriman Dengan Hari Akhirat

Beriman dengan Hari Akhirat.

Iaitu iktikad (percaya) akan berakhirnya kehidupan dunia dan memasuki kehidupan akhirat selepasnya, ianya bermula dengan kematian dan kehidupan di alam barzakh (kubur), diikuti dengan berlakunya kiamat kemudian dibangkitkan semula (seluruh manusia) dan dihimpunkan di Padang Mahsyar, selepas itu mereka akan menerima balasan sama ada ke syurga atau neraka. Beriman dengan Hari Akhirat merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Tidak sempurna iman seseorang kecuali beriman dengannya, sesiapa yang mengingkarinya adalah kafir.

Firman Allah SWT dalam Surah Al Baqarah ayat 177:

لَيْسَ الْبَرُّ أَنْ تُؤْلِمَا وَجْهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبَرُّ مَنْ أَمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksudnya:

Bukanlah perkara kebijakan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebijakan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat.....

Sabda Nabi SAW sebagaimana yang tersebut di dalam hadis, sewaktu Jibrail bertanya kepada Rasulullah SAW tentang iman. Katanya: ‘Beritahu kepada saya pengertian iman’. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Hendaklah engkau beriman dengan Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan Hari Akhirat serta Qadar (ketetapan) yang baik dan buruk”. (H.R. Muslim).

Di antara perkara yang wajib kita beriman dengannya ialah permulaan (mukaddimah) Hari Akhirat yang telah diberitahu oleh Rasulullah SAW iaitu perkara-perkara yang akan berlaku sebagai tanda hampirnya kiamat. Para ulama' telah membahagikan tanda-tanda kiamat kepada dua bahagian:

i. **Tanda-tanda kecil kiamat.**

Tanda-tanda kecil ialah tanda yang menunjukkan hampirnya kiamat, tanda-tanda ini sangat banyak, kebanyakannya telah berlaku walaupun tidak kesemuanya, antaranya ialah; bilangan perempuan melebihi nisbah lelaki, amanah telah disia-siakan, fitnah berleluasa dalam masyarakat, menghiasi masjid dan berbangga-bangga dengannya, berlaku perang antara Muslim dengan Yahudi, masa menjadi singkat, manusia kurang melakukan amal kebajikan, banyak berlaku pembunuhan, berleluasanya penzinaan dan kefasikan.

Firman Allah SWT dalam Surah Al Qamar ayat 1:

إِنَّرَبَتِ السَّاعَةُ وَانْشَقَ الْقَمَرُ

Maksudnya:

“Telah hampir saat (kedatangan Hari Kiamat) dan terbelahlah bulan”.

ii. **Tanda-tanda besar kiamat.**

Tanda-tanda kiamat yang besar ialah tanda-tanda atau alamat yang akan berlaku apabila hampir kiamat dan peringatan kepada permulaan akan terjadinya kiamat. Antara tanda-tanda tersebut ialah:

1. Keluarnya Imam Mahdi.
2. Munculnya Dajjal.
3. Turunnya Nabi ‘Isa as dari langit dan melaksanakan pemerintahan yang adil, mematahkan salib, membunuh Dajjal dan khinzir, menghapuskan jizyah.
4. Keluarnya Ya’juj dan Ma’juj dan kemudiannya Nabi Isa berdoa supaya mereka dimatikan.
5. Berlaku tiga khusuf (manusia ditelan bumi): di timur, di barat dan di Semenanjung Tanah Arab.
6. Keluarnya asap tebal dari langit yang menyelubungi dan menutupi manusia
7. Diangkatkan Al-Quran dari bumi ke langit.
8. Terbitnya matahari dari sebelah barat.
9. Keluarnya Dabbah (binatang besar yang keluar dari Bukit Safa)
10. Keluarnya api besar dari sebelah ‘Adan (Yaman) menghalau manusia menuju ke arah Syam (Syria dan Jordan), inilah alamat besar yang terakhir.

Imam Muslim telah meriwayatkan daripada Huzaifah bin Usaid Al-Ghfari ra katanya: ‘Nabi SAW datang sedang kami duduk berbincang, maka sabdanya: “Apa yang kamu bincangkan?”. Kami menjawab: ‘Kami berbincang tentang kiamat’. Sabdanya yang bermaksud:

“Tidak akan berlaku kiamat sehingga kamu melihat sepuluh tanda ini. Maka disebutnya (tanda-tanda itu ialah): Asap, Dajjal, Dabbah (binatang besar), terbit matahari dari sebelah barat, turun Nabi Isa, keluar Ya’juj, berlaku tiga khusuf (manusia ditelan bumi): di timur, di barat dan di Semenanjung Tanah Arab dan yang terakhirnya keluar api dari arah Yaman menghalau manusia menuju ke tempat perhimpunan mereka (mahsyar)”. (H.R. Muslim).

Maksud Hari Kiamat ialah:

Hari yang dikeluarkan manusia dari kubur mereka dengan perintah Allah SWT untuk pembalasan, maka sesiapa yang baik akan mendapat nikmat dan sesiapa yang jahat akan diazab.

Firman Allah SWT dalam surah Al Ma’arij ayat 43:

يَوْمَ يَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجْداثِ سِرَاعًا كَانُوكُمْ إِلَى نُصُبٍ يُؤْفِضُونَ

Maksudnya:

“Pada hari mereka segera keluar dari kubur masing-masing menuju (ke Padang Mahsyar) dengan keadaan seolah-olah mereka berkejaran ke (tempat) berhala-berhala (yang mereka sembah dahulu)”.

Proses Berlakunya Kiamat

Pertama: Fitnah kubur. Iaitu mayat akan disoal selepas dikebumikan tentang Tuhanaya, agamanya dan Nabinya Muhammad SAW. Maka Allah menetapkan orang-orang yang beriman dengan jawapan yang teguh, sebagaimana yang telah disebutkan di dalam hadis, ketika orang yang beriman disoal mereka akan menjawab:

“Tuhanku ialah Allah, agamaku Islam dan nabiku Muhammad SAW”. (Hadis Muttafaq ‘Alaih).

Maka kita wajib beriman dengan semua perkara yang telah disebut di dalam hadis, antaranya soalan dari Munkar dan Nakir, cara-cara mereka menyoal dan jawapan daripada orang-orang mukmin serta jawapan daripada orang-orang munafik.

Kedua: Azab kubur dan nikmatnya.

Sesiapa yang mati bererti bermulalah kiamatnya. Nikmat dan azab akan menimpa roh dan jasad di dalam kubur, adakalanya akan menimpa roh sahaja. Azabnya akan menimpa ke atas orang-orang yang zalim dan nikmatnya untuk orang-orang yang beriman lagi benar. Mayat akan tetap diazab atau dikurniakan nikmat di alam barzakh, tidak kira sama ada ianya di kebumikan di dalam kubur atau pun tidak, sekalipun dibakar, tenggelam dalam air, dimakan binatang buas atau burung pasti ia akan mendapat balasan siksa atau nikmat.

Firman Allah SWT dalam surah Ghafir ayat 46,

وَإِذْ يَتَحَاجُّونَ فِي النَّارِ قَيْقُولُ الْضُّعْفَوْ لِلَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهُنْ آنَّمُ مُعْنَوْنَ عَنَّا نَصِيبًا مِّنَ النَّارِ

Maksudnya:

"Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam barzakh) dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya".

Ketiga: Tiupan Sangkakala. Sangkakala iaitu serunai daripada tanduk yang ditiup oleh Israfil. Tiupan yang pertama akan mematikan semua makhluk kecuali mereka yang dikehendaki oleh Allah SWT, kemudian ditiup tiupan kedua maka dibangkitkan semua makhluk yang wujud semenjak Allah SWT jadikan dunia ini sehingga berlakunya kiamat.

Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar, ayat 68.

وَنُفْخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ۖ ثُمَّ نُفْخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قَيَامٌ يَنْظَرُونَ

Maksudnya:

"Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya), kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta-merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing)".

Keempat: Kebangkitan. Iaitu Allah SWT menghidupkan orang-orang yang telah mati ketika ditiupkan sangkakala kali kedua, maka bangkitlah semua manusia menemui Tuhan sekalian alam. Apabila Allah SWT mengizinkan Israfil meniup sangkakala dan semua roh kembali kepada jasad masing-masing ketika itu bangkitlah manusia dari kubur mereka dengan pelbagai keadaan mengikut kadar amalan masing-masing.

Kelima: Perhimpunan, perhitungan dan pembalasan. Kita beriman bahawa semua jasad akan dihimpunkan, disoal dan akan diadili di antara mereka lalu semuanya akan dibalas dengan amalan yang telah mereka lakukan.

Firman Allah SWT dalam surah al Kahf ayat 47,

وَيَوْمَ نُسَيِّرُ الْجِبَالَ وَنَزِّي الْأَرْضَ بَارِزًا ۚ وَحَشِرْنَاهُمْ فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا

Maksudnya:

"Dan Kami himpulkan mereka (di Padang Mahsyar) sehingga Kami tidak akan tinggalkan seorang pun daripada mereka".

Keenam: Neraca timbangan amalan. Neraca timbangan adalah suatu yang hak, wajib beriman dengannya. Iaitu suatu neraca yang Allah SWT dirikan pada Hari Kiamat untuk menimbang amalan hamba-hambaNya dan membalaunya menurut amalan mereka.

Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya', ayat 47

وَنَضَغَ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلِمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِنْ قَالَ حَبَّةٌ مِّنْ حَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَاسِبِينَ

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) Hari Kiamat, maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung) dan cukuplah Kami sebagai Penghitung".

Ketujuh: Titian Sirat Al-Mustaqim.

Kita beriman dengan Sirat Al-Mustaqim iaitu titian yang dibentangkan di atas Neraka, suatu laluan yang sungguh menggerunkan dan menakutkan, manusia melaluinya untuk sampai ke syurga. Manusia melintasinya dengan pelbagai keadaan, cepat seperti kilat, ada yang merangkak dan sebagainya, mengikut kadar amalan yang dilakukan. Orang pertama yang akan melintasinya ialah Nabi Muhammad SAW kemudian diikuti pula oleh umatnya, tidak ada orang yang bercakap pada hari itu kecuali para rasul, doa para rasul pada hari itu ialah: ("Ya Allah, selamatkan kami! Selamatkan kami!").

3.6 Menyatakan Keperluan Beriman Dengan Qada' Dan Qadar

Beriman dengan Qada' dan Qadar ialah percaya serta meyakini sepenuh hati bahwa Allah SWT memiliki kehendak, ketetapan, keputusan atas semua makhluk-Nya.

Pengertian Qada' ialah hukum, ketetapan adalah kehendak Allah SWT. Semua yang terjadi berasal dari Allah SWT, pemilik kehidupan. Sebelum adanya proses kehidupan, Allah SWT telah menetapkan apa saja yang akan terjadi, sama ada baik atau buruk dan juga tentang hidup atau mati. Manakala pengertian Qadar pula adalah sebuah penentuan yang pasti dan sudah ditetapkan oleh Allah SWT.

Jenis-Jenis Qada

1. Qada' *Mubram*

Qada' *mubram* adalah qada yang tidak boleh berubah dengan usaha dan ikhtiar manusia. Contohnya kematian, kerana setiap yang hidup akan menemui kematian dan merupakan ketetapan yang azali oleh Allah SWT.

2. Qada' *Muallaq*

Qada' *muallaq* ialah qada yang boleh berubah jika manusia berusaha mengubahnya. Contohnya rezeki, kebahagian, kejayaan dan sebagainya dengan keizinan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al Qamar ayat 49.

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدْرٍ

Maksunya:

“Sesungguhnya Kami menciptakan setiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)”.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Setiap sesuatu telah ditentukan termasuklah lemah dan rajin atau rajin dan lemah”. (H.R. Muslim).

Hukum mengingkari Qada' dan Qadar.

Sesiapa yang mengingkari Qadar sesungguhnya dia telah mengingkari satu asas daripada asas syariat dan akan menjadi kafir. Kata sebahagian ulama' salaf rahimahumullah: 'Berdebatlah dengan golongan Qadariah (orang yang menafikan qadar) dengan ilmu. Sekiranya mereka mengingkarinya, maka mereka telah kafir. Jika mereka menerima, mereka akan berbantah'.

Hikmah beriman dengan Qada' dan Qadar.

- a) Ia akan menghasilkan pelbagai jenis ibadat yang soleh dan sifat-sifat yang terpuji seperti ikhlas bertawakkal, mengharap dan berbaik sangka, sabar dan kuat semangat, menentang perasaan putus asa, redha dengan ketentuan, mengesakan dan bersyukur kepadaNya. Meninggalkan sifat takbur dan bongkak dan membersihkan diri daripada sifat hasad, murni pemikiran daripada perkara khurafat dan karut dan mempunyai jiwa yang aman serta pemikiran yang tenang.
- b) Orang yang beriman dengan Qada dan Qadar, hidup di atas landasan yang betul. Nikmat tidak menjadikannya seorang yang sompong. Dia tidak berputus asa dengan musibah yang menimpa. Dia yakin bahawa musibah yang menimpanya adalah dengan ketentuan daripada Allah SWT untuk mengujinya dan tidak mudah melenting bahkan bersabar dan mengharapkan pahala daripada Allah SWT.
- c) Beriman dengan Qada' dan Qadar boleh menjaganya daripada anasir kesesatan dan kesudahan yang tidak baik '*Suukhatimah*', kerana dia sentiasa berusaha untuk terus beristiqamah dan memperbanyak amalan yang soleh serta menjauhi perbuatan maksiat dan perkara-perkara yang membinaaskan.
- d) Beriman dengan Qada' dan Qadar juga menjadikan seorang mukmin mampu menghadapi bencana dan kesusahan dengan hati yang teguh serta keyakinan yang penuh dan terus berusaha melakukan sesuatu yang boleh menyelamatkannya.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

"Sungguh pelik keadaan orang mukmin. Semua perkara adalah baik baginya. Tidak terjadi perkara yang demikian kecuali untuk orang mukmin. Sekiranya dia mendapat perkara yang baik, dia bersyukur, maka syukur itu lebih baik baginya. Sekiranya ditimpa kesusahan, dia bersabar, maka sabar itu lebih baik baginya".

(Riwayat Muslim).

1.4 Ihsan

4.1 Konsep Ihsan

Ihsan menurut bahasa ialah baik, bagus, kebajikan atau soleh. Menurut istilah pula sebagaimana Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud,

Ihsan adalah engkau menyembah Allah seakan engkau melihat-Nya, maka bila engkau tak melihat-Nya maka sesungguhnya Allah melihatmu.” (HR Muslim)

Ihsan ialah kebaikan atau perbuatan baik yang dilakukan oleh manusia hasil gabungan akal, hati, perbuatan dan percakapan. Ihsan ialah ibadat yang disertai dengan hatinya menyakini sentiasa diawasi oleh Allah SWT dengan memiliki sifat amanah, jujur, warak, takwa dan sebagainya. Perbuatan baik dengan mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan perasaan seolah-olah ia melihat Allah. Ihsan berkait rapat dengan keikhlasan dalam beribadat atau melaksanakan Islam dan Iman.

Bentuk-bentuk Ihsan:

1. Ihsan dengan pengertian muraqabatullah (pemerhatian Allah SWT)
2. Ihsan dengan pengertian berbakti kepada Allah SWT
3. Ihsan kepada umat Islam dengan cara memperkuuh hubungan kerana Allah SWT.
4. Ihsan kepada semua makhluk
5. Ihsan dengan pengertian melaksanakan tanggungjawab dengan tekun

4.2 Konsep Akhlak

Akhlik ataupun budi pekerti berperanan penting dalam kehidupan manusia. Akhlak yang baik akan membezakan antara manusia dengan haiwan. Akhlak juga merupakan ciri-ciri kelebihan di antara manusia kerana ianya lambang kesempurnaan iman, ketinggian taqwa dan kealiman seseorang manusia yang berakal.

Dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,

“Orang yang sempurna imannya adalah mereka yang paling baik akhlaknya.”

(Hadis riwayat Tirmizi)

Akhhlak juga merupakan roh Islam yang mana agama tanpa akhlak samalah seperti jasad yang tidak bernyawa. Oleh itu salah satu misi yang dibawa oleh Rasulullah SAW ialah membina kembali akhlak manusia yang telah runtuh sejak zaman para nabi yang terdahulu ekoran penyembahan berhala oleh pengikutnya yang telah menyeleweng.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud,

“Aku diutuskan (oleh Allah) hanyalah untuk menyempurnakan akhlak.”

(Hadis riwayat Ahmad)

Firman Allah SWT dalam surah al Qalam ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ حُكْمِ عَظِيمٍ

Maksudnya:

Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia”.

Akhhlak dari segi bahasa ialah tabiat, kelakuan, perangai, tingkahlaku, adat kebiasaan, malah ia juga bererti agama itu sendiri.

Akhhlak menurut istilah ialah sifat yang tertanam di dalam diri yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan.

Menurut Imam Ghazali, akhlak ialah suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang menampilkan perbuatan-perbuatan dengan senang tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Apabila perbuatan yang terkeluar itu baik dan terpuji menurut syarak dan akal, perbuatan itu dinamakan akhlak yang mulia. Sebaliknya apabila terkeluar perbuatan yang buruk, ia dinamakan akhlak yang buruk.

Daripada Abdullah bin Amru bin al-As r.a katanya:

Tidaklah Rasulullah SAW seorang yang bersifat keji, dan tidak pernah melakukan perkara-perkara yang keji, Baginda bersabda, “Sesungguhnya di antara orang-orang yang terpilih di antara kamu ialah orang yang paling mulia akhlaknya.”

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Manakala akhlak Islam pula didefinisikan sebagai satu sifat atau sikap keperibadian yang membentuk kehidupan yang sempurna berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Kesimpulannya apa yang dimaksudkan dengan akhlak itu ialah sifat dalam diri manusia yang telah tetap sehingga dengan mudah mendorong perlakuan yang baik atau buruk tanpa difikir atau dirancang.

Pembahagian Akhlak

Imam al-Ghazali membahagikan akhlak kepada dua :

1. Akhlak yang baik (*mahmudah*)

Akhlik *mahmudah* bererti akhlak yang baik seperti beribadah kepada Allah s.w.t, mencintai-Nya dan mencintai makhluk-Nya dan berbuat baik serta menjauhkan diri daripada perbuatan-perbuatan yang dibenci dan dilarang oleh Allah s.w.t. Membuat segala kebaikan dengan niat yang ikhlas, berbakti kepada kedua ibu bapa dan sebagainya.

Akhlik *mahmudah* adalah merupakan antara sebab-sebab manusia memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 90,

اَنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْاَحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَكَبَّرُونَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran".

2. Akhlak yang buruk (*mazmumah*)

Akhlik *mazmumah* merupakan akhlak atau tabiat yang buruk, melanggari perintah dan suruhan Allah SWT seperti sifat ujub, sompong, riya', dengki, melakukan kerosakan, bohong, bakhil, malas, dan sebagainya. Akhlak buruk ini akan membinasakan seseorang insan dan juga akan membinasakan umat manusia.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah mencintai akhlak yang mulia dan membenci akhlak yang buruk”.

Jenis-Jenis Akhlak

Akhlik yang dituntut oleh Islam bersifat menyeluruh dan mencakupi segenap segi hubungan dalam kehidupan manusia seperti berikut:

1. Akhlak dengan Allah SWT dan RasulNya

Akhlik dengan Allah dan RasulNya bermakna menumpukan sepenuhnya ketakwaan, keimanan, kepatuhan dan keikhlasan kepada Allah SWT dalam segenap aktiviti kehidupan. Tuntutan mentaati Allah SWT dan RasulNya merupakan tuntutan yang asasi yang banyak ditekankan oleh al-Quran dan al-Hadith. Firman Allah SWT dalam surah al-Bayyinah ayat 5;

وَمَا أُمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ هُنَفَاءٌ وَيُقْبِلُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكُوَةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيمَةِ

Maksudnya:

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang bena”.

Akhlik dengan Allah juga menuntut kita sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah SWT. Mensyukuri nikmat Allah ialah dengan cara mentaati perintahNya dan menjauhi laranganNya.

2. Akhlak dengan diri sendiri

Akhlik dengan diri sendiri menuntut manusia menunaikan hak-hak dan tuntutan dirinya seperti yang ditetapkan oleh Allah SWT sama ada melalui peraturan syariahnya atau peraturan tabi'i kejadiannya sendiri dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi.

3. Akhlak dengan manusia lain

a. Ibu bapa

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 23 yang bermaksud:

"dan Allah telah wajibkan agar kamu tidak beribadat melainkan kepadaNya dan dengan kedua ibu bapa hendaklah berbuat baik"

b. Tanggungan

Firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim ayat 6 yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan ahli keluargamu daripada api neraka".

Sabda Rasulullah SAW:

"Perintahkan anakmu sembahyang ketika berumur tujuh tahun, rotangkan ketika berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidur mereka."

(HR. Ahmad, Abu Daud dan Hakim)

c. Kaum kerabat

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 177 yang bermaksud:

"Bukanlah kebaikan itu bahawa kamu menghadapkan mukamu ke arah timur atau barat tetapi kebaikan itu ialah sesiapa yang beriman dengan Allah, dan hari akhirat dan malaikat dan kitab dan nabi-nabi dan memberikan harta kepada yang dikasihinya daripada kaum kerabatnya dan anak-anak yatim"

d. Jiran tetangga

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan jirannya."

(HR.Abu Hurairah)

e. Masyarakat

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami jadikan daripada lelaki dan perempuan dan Kami ciptakan berpuak-puak dan berkabilah supaya kamu dapat saling mengenali”.

f. Alam

Alam seluruhnya juga adalah hamba Allah yang sentiasa beribadat kepadaNya. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 44 yang bermaksud:

“Dan tiada sesuatupun (daripada isi langit dan bumi) melainkan semuanya bertasbih dan memuji Allah akan tetapi kamu tidak memahami tasbih mereka.”



Rajah 7: Jenis-jenis Akhlak

Kepentingan Akhlak Dalam Peribadi Muslim

1. Nilai manusia itu pada hakikatnya terletak pada akhlak dirinya. Semakin tinggi nilai akhlak diri seseorang itu maka makin tinggi pula nilai kemanusian pada dirinya.
2. Akhlak juga membezakan antara insan dengan haiwan dari segi perilaku, tindak-tanduk dan tanggungjawab dalam kehidupan sehari-harian. Seseorang yang tidak berakhlak adalah sama tarafnya dengan haiwan malah lebih rendah dari itu lagi.

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 179:

وَلَقَدْ ذَرَنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِنَ الْجِنِّ وَالْأُنْسَىٰ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَعْقِلُونَ بِهَاٰ وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبَصِّرُونَ بِهَاٰ وَلَهُمْ أَذْنُونَ
لَا يَسْمَعُونَ بِهَاٰ أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۝ أُولَئِكَ هُمُ الْغَفَّارُونَ

Maksudnya:

"Dan sesuguhnya kami telah sediakan untuk neraka banyak sekali golongan jin dan manusia yang mana mereka mempunyai hati tetapi tidak mahu mengerti dengannya, mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya, mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya, mereka itu seperti binatang malah lebih sesat, mereka ialah orang-orang yang lalai."

Kesimpulan

Akhlak mempunyai kedudukan paling tinggi dalam hirarki tamadun umat manusia. Oleh itu, masyarakat yang tidak mempunyai nilai akhlak tidak boleh dianggap sebagai masyarakat yang baik dan mulia walaupun mempunyai kemajuan yang dalam bidang ekonomi, teknologi dan sebagainya.

1.4.3 Konsep Dosa Dan Pahala

Dosa dari segi bahasa ialah hukuman atau balasan.

Manakala dari segi syarak pula ialah balasan buruk daripada Allah SWT disebabkan melakukan sesuatu yang dilarang atau meninggalkan sesuatu yang diperintahkanNya.

Pahala dari segi bahasa ialah ganjaran atau balasan. Dari segi syarak pula ialah ganjaran baik yang

diberikan oleh Allah SWT kerana mematuhi perintahNya dan menjauhi laranganNya. Contoh, menunaikan solat, bersedekah, berpuasa, dan membantu orang lain.

Firman Allah SWT dalam surah al Zalzalah ayat 7-8:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ، وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Maksudnya;

"Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya), Dan sesiapa berbuat kejahanan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)".

Jika kita memahami dan menghayati konsep pahala dan dosa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada umat manusia, kita akan melihat betapa rahmat Allah SWT begitu luas kepada kita mengatasi kemurkaaNya.

Hadis daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

"Sesiapa yang berniat untuk melakukan suatu kebaikan namun dia tidak melakukannya, ditulis juga untuknya satu kebaikan. Sesiapa yang berniat melakukan kebaikan lalu dia melakukannya, dituliskan untuknya sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus gandaan. Sebaliknya sesiapa yang berniat melakukan kejahanan namun dia tidak melakukannya, tidak akan ditulis sebarang kejahanan untuknya, jika dia melakukannya barulah ditulis (satu kejahanan untuknya)".

(Riwayat Muslim)

Bagi manusia yang jauh dari melakukan ketaatan kepada Allah SWT dan bergelumang dengan maksiat, tidak ada cara lain bagi mereka kecuali bertaubat, iaitu taubat nasuha dan bertaqwah kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hadid ayat 28:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ اللَّهَ وَآمِنُوا بِرَسُولِهِ يُؤْتِكُمْ كِفْلَيْنِ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَجْعَلُ لَكُمْ نُورًا تَمْشُونَ بِهِ
وَيَغْفِرُ لَكُمْ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman (kepada para rasul), bertakwalah kepada Allah dan berimanlah kepada Rasul-Nya, nescaya Allah memberikan rahmatNya kepadamu dua bahagian, dan menjadikan untukmu cahaya yang dengan cahaya itu kamu dapat berjalan dan Dia mengampuni kami. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Tutorial 3

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang TEPAT

Bil	Nama Malaikat	Tugas
1	Jibril	
2		Malaikat yang menyoal orang mati
3	Israfil	
4	Izrail	
5		Malaikat yang menulis amalan manusia

2. Qada' dan Qadar merupakan salah satu rukun Iman.
Apakah hikmah beriman dengan Qada' dan Qadar.
3. Nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah berserta contoh.
4. Apakah yang kamu faham berkaitan dengan konsep pahala dan dosa dalam Islam.

Kesimpulan

Islam sebagai Al Din yang merangkumi akidah, syariat dan akhlak hendaklah diperlakukan oleh umat Islam secara menyeluruh bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Keimanan kepada Allah SWT hendaklah sentiasa dipertingkatkan dan diperkuatkan dengan mengamalkan segala perintahNya dan menjauhi laranganNya. Umat Islam juga hendaklah sentiasa menjadi Rasulullah SAW sebagai contoh teladan untuk menghadapi dunia yang mencabar hari ini dan mendapat keredhaan Allah SWT.

Rujukan

- Din, H. (1989). *Manusia dan Islam*. Selangor: AEE Sdn.Bhd.
- Kamus, I. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Selangor: Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Roziah Sidik, Z. M. (2011). *Pengajian Islam*. Selangor: Oxford Fajar. Roziah Sidik, Z. M. (2011). *Pengajian Islam*. Selangor: Oxford Fajar.
- Wan Norina Wan Hamat, N. S. (2019). *Pengajian Islam*. Selangor: Oxford Fajar.

POLITEKNIK KOTA BHARU

e ISBN 978-967-2702-18-4



A standard one-dimensional barcode representing the ISBN number 978-967-2702-18-4. The barcode is composed of vertical black bars of varying widths on a white background.

9 7 8 9 6 7 2 7 0 2 1 8 4